

## NOTIS TENDER

### CONTRACT NO.T170006 – CONSTRUCTION OF NEW REINFORCEMENT CONCRETE SLAB AT SCANNER CUSTOM, NBCT.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang:

1. **Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
2. **Mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1 , Pengkhususan CE21 .**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

**Tarikh : 5 September 2017 (Selasa)**

**Waktu : 10.00 pagi.**

**Tempat : Pintu Masuk Pengawal Keselamatan , Pangkalan Kontena Butterworth Utara.  
Main Entrance Security Gate, North Butterworth Container Terminal. (NBCT)**

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

**“CONTRACT NO.T170006 – CONSTRUCTION OF NEW REINFORCEMENT CONCRETE SLAB AT SCANNER CUSTOM, NBCT “**

dan dimasukkan ke dalam Peti **Tender “B”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

#### **Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga**

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **11 September 2017** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.